



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGINSTITUSIAN IDEOLOGI SASTERA ASAS 50 DALAM
KESUSASTERAAN MELAYU MASA KINI**

NUR FATIHA FADILA ABU BAKAR

FBMK 2021 57



**PENGINSTITUSIAN IDEOLOGI SASTERA ASAS 50 DALAM
KESUSASTERAAN MELAYU MASA KINI**

Oleh

NUR FATIHA FADILA ABU BAKAR

**Tesis ini dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

Januari 2020

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

PENGINSTITUSIAN IDEOLOGI SASTERA ASAS 50 DALAM KESUSASTERAAN MELAYU MASA KINI

Oleh

NUR FATIHA FADILA ABU BAKAR

Januari 2020

Pengerusi : Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Tesis ini bertitik tolak daripada sorotan literatur yang mengenal pasti beberapa kecenderungan penting dalam resepsi kritis mengenai ideologi sastera yang menjadi pegangan ASAS 50, dan penginstitutannya dalam kesusasteraan Melayu moden. Ini merujuk kepada kecenderungan sarjana dan pengkritik sastera yang dengan jelas memperakukan kepentingan ideologi sastera ASAS 50 dalam perkembangan kesusasteraan Melayu moden. Walau bagaimanapun, perbincangan tentang ideologi sastera ASAS 50 yang diperakukan sebagai penting dalam perkembangan kesusasteraan Melayu moden adalah terpenggal-penggal, dan tidak berfokus. Sorotan ini turut mengenal pasti kecenderungan sarjana dan pengkritik sastera yang mendakwa bahawa penginstitution ideologi ASAS 50 sebagai satu ideologi yang sah bagi kesusasteraan Melayu moden adalah satu buatan yang dimungkinkan oleh percaturan politik sastera. Soal penginstitution ideologi sastera ASAS 50 dalam kesusasteraan Melayu moden yang dimungkinkan oleh percaturan politik sastera ini, walau bagaimanapun tidak disertakan dengan hujah yang sistematik dan saintifik. Dalam konteks ini, tesis ini memproblematisasikan soal perbincangan tentang ideologi sastera ASAS 50 yang terpenggal-penggal, dan soal politik sastera dalam penginstitution ASAS 50 dalam kesusasteraan Melayu moden. Ini termasuklah soal implikasi penginstitution ideologi sastera ASAS 50 dalam perkembangan kesusasteraan Melayu masa kini. Sehubungan itu, tesis ini distrukturkan bagi mencapai tiga objektif. Pertama, menghuraikan ideologi sastera yang menjadi pegangan ASAS 50. Kedua, menganalisis penginstitution ideologi sastera ASAS 50 berdasarkan kerangka teori 'The Power Elite'. Ketiga, menghubungkan penginstitution ideologi sastera ASAS 50 dengan perkembangan kesusasteraan Melayu masa kini. Untuk mencapai ketiga-tiga objektif ini, tesis memilih teori 'The Power Elite' sebagai metodologi kajian. Teori ini dipilih kerana menawarkan perbincangan khusus tentang penginstitution kedudukan dan kuasa, yang diperlukan dalam kajian ini. Tesis ini menjadikan buku *Esei Sastera ASAS 50* (1981), *Warisan ASAS 50* (1981), *Memoranda Angkatan Sasterawan 50* (1987), *Memoir Keris*

Mas: 30 Tahun Sekitar Sastra (1979), majalah *Dewan Bahasa* (1957-1970), majalah *Dewan Sastra* (1971-1990-an), dan *Laporan Panel Anugerah Sastra Negara* (1981-1985) yang terpilih, sebagai bahan kajian. Hasil kajian ini mendapati bahawa ideologi sastra yang menjadi pegangan ASAS 50 telah mencorak perkembangan kesusasteraan Melayu moden sehingga ke hari ini. Dengan menerapkan teori 'The Power Elite', kajian ini turut menyimpulkan bahawa penginstitutionan ideologi sastra ASAS 50 dalam kesusasteraan Melayu moden adalah suatu buatan yang dimungkinkan dengan percaturan politik sastra.



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

THE INSTITUTIONALISATION OF ASAS 50'S LITERARY IDEOLOGY IN CONTEMPORARY MALAY LITERATURE

By

NUR FATIHA FADILA ABU BAKAR

January 2020

Chair : Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

This thesis is based on sequel of literature review that have already identified several important tendencies in critical reception of the literary ideology that became the principle foundation of ASAS 50 and its institutionalisation in the contemporary Malay literature. This refers to the tendency of scholars and literary critics who have clearly identified and emphasized the importance of the literary ideology of ASAS 50 in the development of modern Malay literature. However, the discussion regarding the ideology of ASAS 50 which is claimed to be crucial in the development of modern Malay literature is fragmented and obscured. Correspondingly, this matter has led to the discovery involving scholars and literary critics who stated that the institutionalisation of ASAS 50's ideology as a valid ideology for modern Malay literature may be caused by the existence of literary politics. However, issue regarding the existence of literary politics in the institutionalisation of the literary ideology of ASAS 50 in modern Malay literature is not supported by a systematic and scientific reasoning and evidence. In this context, this thesis problematizes the matter of discussion regarding ASAS 50 literary ideology that is fragmented and the issue of literary politics in the ASAS 50 institutionalisation in modern Malay literature. This including the implications of institutionalisation of ASAS 50's literary ideology in contemporary Malay Literature. Therefore, this thesis is structured to achieve three main objectives. First, to describe the literary ideology that serves as the foundation of ASAS 50. Second, to analyse the institutional structure of ASAS 50 literary ideology based on 'The Power Elite' theory. Third, to correlate the institutionalisation of ASAS 50 literary ideology with the development of contemporary Malay literature. To achieve all the objectives mentioned, the thesis will use 'The Power Elite' theory (continued with PE) as the research framework. This theory was chosen because it offers specific discussion of institutional positioning and authority which are required to conduct the research study. This thesis is written based on several academic resources such as books and magazines which include *Esei Sastra ASAS 50* (1981). *Warisan ASAS 50*

(1981), *Memoranda Angkatan Sasterawan 50* (1987), *Memoir Keris Mas: 30 Tahun Sekitar Sastera* (1979), *Dewan Bahasa* magazines (1957-1970), *Dewan Sastera* magazines (1971-1990-an), and *Laporan Panel Anugerah Sastera Negara* (1981-1985). The results showed that the literary ideology that serves as the foundation of ASAS 50 has shaped the evolution of the modern Malay literature until today. By engraving PE, this research also concluded that the institutionalisation of ASAS 50 literary ideology in modern Malay literature may be caused by the existence of literary politics.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT. Tiada daya upaya saya untuk menyelesaikan tesis ini melainkan dengan izin Allah SWT.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia iaitu Profesor Madya Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani atas setiap nasihat, tunjuk ajar serta komitmen tinggi yang diberikan sepanjang proses penyelidikan dan penulisan tesis ini berlangsung. Tidak saya lupakan budi baik Profesor Madya Dr. Arba'ie Sujud dan Profesor Madya Dr. Norazlina Mohd Kiram atas dedikasi yang tinggi ketika melaksanakan tanggungjawab sebagai Ahli Jawatankuasa Penyeliaan. Semoga Allah SWT memberi ganjaran pahala yang besar dan berpanjangan atas nasihat dan bantuan akademik yang telah diberikan oleh kedua-duanya.

Ucapan penghargaan turut saya nukilkan kepada Tuan Haji Mohd. Affandi Hassan dan Profesor Ungku Maimunah Ungku Mohd. Tahir. Terima kasih atas sokongan moral yang diberi. Semoga rahmat Allah SWT sentiasa memayungi kehidupan kedua-duanya.

Ucapan terima kasih yang menggunung saya zahirkan kepada Cikgu Julia Juis kerana tekal 'memimpin tangan' saya sejak di bangku sekolah sehingga tiba di puncak menara gading. Hanya Allah SWT yang dapat membalas budi dan jasa baik Cikgu. Terima kasih juga buat Nur Syafiq Yusoff, sahabat yang sentiasa ada.

Teristimewa buat Allahyarhamah emak yang semasa hayatnya sentiasa bersabar dan menyokong cita-cita akademik saya—semoga Allah SWT menganugerahi syurga-Nya tanpa hisab buatmu di Akhirat nanti. Buat bapa, terima kasih atas kehidupan yang telah diberikan. Semoga Allah SWT merahmati dan memberkati kehidupanmu selalu.

Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada Universiti Putra Malaysia atas pembiayaan yang diberikan menerusi Skim Tenaga Akademik Muda (TAM), dan Kementerian Pengajian Tinggi melalui Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) sepanjang proses penyelidikan berlangsung.

Nur Fatiha Fadila Abu Bakar
Bandar Baru Selayang

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 9 Januari 2020 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nur Fatiha Fadila binti Abu Bakar bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Penginstitutionan Ideologi Sastera ASAS 50 dalam Kesusasteraan Melayu Masa Kini" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Adi Yasran Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Kamariah Kamaruddin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Norita Omar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Asmiaty Amat

Profesor Madya
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Universiti Malaysia Sabah
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

NOR AZOWA IBRAHIM, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arba'ie Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Norazlina Mohd Kiram, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 8 April 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini ialah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini ialah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: 13 November 2020

Nama dan No. Matrik: Nur Fatiha Fadila Abu Bakar (GS 43244)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan *Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013)* telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Arba'ie Sujud, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Norazlina Mohd Kiram, PhD

SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI SINGKATAN	xiii
 BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Metodologi Kajian	5
1.5 Batasan Kajian dan Bahan-Bahan Kajian	6
1.6 Definisi Operasional	11
1.6.1 'Ideologi' dan 'Ideologi Sastera'	11
1.6.2 'Penginstitutionian'	15
1.6.3 'ASAS 50'	16
1.7 Organisasi Pembahagian Bab	16
1.8 Kepentingan Kajian	17
1.9 Kesimpulan	18
 2 SOROTAN LITERATUR	19
2.1 Pendahuluan	19
2.2 Kajian-Kajian Berkaitan Ideologi Sastera ASAS 50	19
2.3 Kajian-kajian Berkaitan Penginstitutionian Ideologi Sastera ASAS 50 Sebagai Satu Ideologi Sastera yang Sah dalam Kesusasteraan Melayu Moden	25
2.4 Kajian-kajian Berkaitan dengan Teori 'The Power Elite'	34
2.5 Kesimpulan	37
 3 TEORI THE POWER ELITE SEBAGAI METODOLOGI KAJIAN	38
3.1 Pendahuluan	38
3.2 Teori The Power Elite	39
3.2.1 Charles Wright Mills Sebagai Pencetus Teori The Power Elite	39
3.2.1.1 Latar Belakang dan Pendidikan	39
3.2.1.2 Kerjaya dan Kegiatan Ilmiah	40

3.2.2	Latar Belakang Kemunculan The Power Elite	41
3.2.2.1	Pengaruh 'Power Eite' dalam Sistem Sosial	42
3.2.2.2	Implikasi 'Power Elite' kepada Sistem Sosial	45
3.3	Konsep-Konsep dalam Teori The Power Elite	47
3.3.1	Konsep 'Higher Circles'	47
3.3.1.2	Sistem Sokongan (<i>Access</i>)	50
3.3.2	Konsep 'Mutual Reciprocal'	51
3.3.2.1	Klik (<i>Clique</i>)	51
3.4	Kesimpulan	53
4	IDEOLOGI SASTERA ASAS 50 DAN PENGINSTITUSIANNYA DALAM KESUSASTERAAN MELAYU MODEN	56
4.1	Pendahuluan	56
4.2	Latar Belakang Kemunculan ASAS 50	56
4.3	Gagasan 'Seni untuk Masyarakat': Ideologi Sastera ASAS 50	59
4.3.1	Anti-feudalisme dalam Gagasan Seni Untuk Masyarakat	65
4.4	Pembentukan 'Higher Circles' dan 'Mutual Reciprocal' dalam Penginstitusian Ideologi Sastera ASAS 50	66
4.4.1	'Higher Circles' dan Peranannya dalam Perlembagaan ASAS 50	69
4.4.2	'Higher Circles' Sastera Melayu Moden: Sistem Sokongan Ideologi Sastera ASAS 50	74
4.4.2.1	Keris Mas	75
4.4.2.2	Usman Awang	85
4.4.2.3	Asraf	91
4.4.2.4	A. Samad Said	96
4.4.2.5	Shahnon Ahmad	102
4.4.3	Anugerah: Kerajaan Sebagai Sistem Sokongan ASAS 50	105
4.4.3.1	Hadiah Karya Sastera	105
4.4.3.2	Hadiah Pejuang Sastera	108
4.4.3.3	Anugerah Sastera Negara	108
4.4.3.4	Hadiah Sastera Kumpulan Utusan	112

4.4.4	Mutual Reciprocal' ASAS 50 dalam Sastera Melayu Moden	113
4.4.4.1	'Klik ASAS 50'	113
4.4.4.2	Peranan Institusi, Persatuan, Penerbit sebagai 'Klik ASAS 50'	123
4.4.4.3	Dewan Bahasa dan Pustaka	123
4.4.4.4	Persatuan Penulis Nasional (PENA)	141
4.4.4.5	Gabungan Penulis Nasional (GAPENA)	145
4.4.4.6	Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya	150
4.5	Implikasi Penginstitusian Ideologi Sastera ASAS 50 dalam Perkembangan Kesusasteraan Melayu Masa Kini	153
4.5.1	Jaminan Kedudukan Sasterawan Negara	153
4.5.2	Kemunculan Sasterawan Pelapis Berkakat dan Berwibawa	156
4.5.3	Populariti Kesusasteraan Melayu di Persada Antarabangsa	157
4.6	Kesimpulan	159
5	RUMUSAN	164
BIBLIOGRAFI		171
LAMPIRAN		189
BIODATA PELAJAR		220
PENERBITAN		222

SENARAI SINGKATAN

API	Angkatan Pemuda Insaf
ASAS 50	Angkatan Sasterawan 50
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
GAPENA	Gabungan Penulis Nasional
HSPM	Hadiah Sastera Perdana Malaysia
KGMS	Kesatuan Guru2 Melayu Singapura
KMM	Kesatuan Melayu Muda
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PENA	Persatuan Penulis Nasional
SKPM	Sidang Kemuncak Penulis Malaysia
PE	The Power Elite

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Angkatan Sasterawan 50 (seterusnya ASAS 50) ditubuhkan pada 6 Ogos 1950 di 24-H, Henderson Road, Singapura. Secara umum, ASAS 50 terkenal dengan cita-cita untuk memajukan kesusasteraan Melayu. Bagi mencapai matlamat ini, ASAS 50 mengemukakan satu ideologi atau gagasan yang dikenali sebagai 'seni untuk masyarakat'. Gagasan ini disebarkan melalui penglibatan ASAS 50 dalam pelbagai bengkel, seminar dan kongres tentang bahasa dan kesusasteraan Melayu. Menerusi penglibatan-penglibatan ini, ASAS 50 mengemukakan berbagai-bagai usul dan cadangan tentang masa depan kesusasteraan Melayu. Turut diberi penekanan dalam perbincangan yang giat dilakukan oleh ASAS 50 ini ialah soal ideologi, dan konsep-konsep baharu dalam pembikinan karya sastera Melayu moden yang dianggap penting dalam perkembangan kesusasteraan Melayu. Termasuk dalam usul yang dikemukakan dalam siri perbincangan yang diikuti ASAS 50 ialah soal kedudukan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi bahasa Melayu. Rata-rata, usul dan cadangan ASAS 50 disambut dan mendapat perhatian (Wong Seng Tong, 1981: 46-47; S. Husin Ali, 1980: 53).

Di sebalik kerancangan ASAS 50 mengukuhkan kedudukan dalam kalangan masyarakat melalui kegiatan sastera, kumpulan ini turut didakwa telah menyebarkan ideologi sastera yang bertentangan dengan kebudayaan Melayu dan nilai-nilai Islam. Dakwaan ini ditimbulkan oleh Hamzah Hussein (seterusnya Hamzah) yang bertitik tolak daripada pengamatannya mengenai sikap terbuka ASAS 50 terhadap aliran-aliran pemikiran sastera barat (yang dianggapnya bertentangan dengan nilai-nilai Islam) ke dalam kesusasteraan Melayu (Hamzah Hussein, 1981a: 110-111). Lanjutan itu, Hamzah mengemukakan gagasan 'seni untuk seni' melalui Angkatan Persuratan Melayu Baru yang ditubuhkannya. Walau bagaimanapun, gagasan yang dikemukakan Hamzah tidak mendapat sambutan menggalakkan. Lanjutan itu, polemik 'seni untuk seni', dan 'seni untuk masyarakat' 'terkubur' dengan kejayaan dilihat berpihak kepada ASAS 50. Menurut Wong Seng Tong, pengalaman buruk dan keadaan hidup selepas perang menjadi faktor yang menyebabkan gagasan 'seni untuk masyarakat' disambut baik. Ini bertitik tolak daripada kecenderungan gagasan 'seni untuk masyarakat' berpihak kepada masyarakat ketika itu yang mengharapkan simpati

dan pembelaan atas kepayahan hidup mereka. Perbincangan tentang ideologi sastra, seperti yang diperkenalkan ASAS 50 akan dilakukan dengan lebih lanjut dalam Bab 4 nanti. Pada tahap ini, apa yang penting ditekankan ialah hakikat bahawa ideologi dan gagasan sastra ASAS 50 telah disambut baik dalam kesusasteraan Melayu moden (Wong Seng Tong, 1981: 45).

Seterusnya, kajian ini turut mengesan satu lagi kecenderungan yang jelas dikaitkan dengan ASAS 50. Ini merujuk kepada soal ideologi sastra dan penginstitutionan ASAS 50 dalam kesusasteraan Melayu. Dalam hal ini, kesusasteraan Melayu dilihat cenderung menerima ideologi sastra ASAS 50 sebagai satu ideologi yang sah, dan diterima pakai dalam kesusasteraan Melayu. Perakuan terhadap ideologi sastra ASAS 50 ini sebagaimana tertera dalam *Laporan Panel Anugerah Sastra Negara 1981* (seterusnya *LPASN 1981*) yang menobatkan Keris Mas, iaitu tokoh penting ASAS 50 sebagai penerima Anugerah Sastra Negara yang pertama. Anugerah ini diberikan kerana sumbangan perjuangan ideologi sastra, dan kualiti karya-karya Keris Mas. Tidak kurang penting ialah kedudukan dan peranan Keris Mas, iaitu sebagai pemimpin ASAS 50 yang diperakukan telah berjaya memajukan dan meningkatkan kualiti kesusasteraan Melayu. Perakuan dan pujian yang sama tentang ASAS 50 ini turut diajukan oleh beberapa sarjana dan pengkritik sastra seperti yang akan dikupas dengan lebih lanjut dalam Bab 2 nanti (*LPASN 1981*: 4, 28).

Selanjutnya, kajian ini turut mengesan perbincangan oleh sarjana dan pengkritik sastra bahawa penginstitutionan ideologi sastra ASAS 50 dalam kesusasteraan Melayu moden adalah dimungkinkan oleh percaturan politik sastra. Ini merujuk kepada kecenderungan tokoh-tokoh ASAS 50 menggunakan kedudukan dan kuasa untuk memastikan ideologi sastra yang diperjuangkan mereka mendapat tempat yang kukuh dan selamat dalam perkembangan kesusasteraan Melayu sebagaimana yang dibangkitkan antaranya oleh Ahmad Sebi, Virginia Matheson, Hamzah Hussein, dan Mohd. Affandi Hassan (akan dikupas lebih lanjut dalam Bab 2) (Ahmad Sebi, 1973: 9; Hamzah Hussein, 1981a: 110-111; Matheson, 1985: 38-39; Mohd. Affandi, 2019: 61, 85-87).

Pada tahap ini, memadai untuk difahami bahawa kemunculan ASAS 50 dalam kesusasteraan Melayu telah menarik perhatian sarjana dan pengkritik sastra dari dalam dan luar negara. Hasil sorotan (yang akan dikupas lebih lanjut dalam Bab 2) mengenal pasti kecenderungan dalam kalangan sarjana dan pengkritik sastra tentang beberapa persoalan serius yang melibatkan ASAS 50. Ini merujuk kepada soal (i) ideologi ASAS 50 (ii) penginstitutionan ideologi sastra

yang menjadi pegangan ASAS 50 dalam kesusasteraan Melayu, dan (iii) implikasinya kepada perkembangan kesusasteraan Melayu masa kini.

1.2 Permasalahan Kajian

Selanjutnya, berdasarkan perbincangan terdahulu (yang akan dikupas lebih lanjut dalam Bab 2) kajian ini mendapati wujud dua topik perbincangan yang sering dikaitkan oleh sarjana dan pengkritik sastera ketika membicarakan tentang ASAS 50. Ini merujuk kepada dua perkara, iaitu (i) ideologi ASAS 50, dan (ii) penginstitusiannya dalam kesusasteraan Melayu moden.

Dalam perbincangan mengenai ideologi ASAS 50, pengamatan mendapati korpus perbincangan tertumpu kepada sambutan-sambutan terhadap ideologi sastera ASAS 50 dalam kalangan masyarakat, selain konsep-konsep sastera Melayu moden yang dikemukakan ASAS 50. Umpamanya, Wong Seng Tong dalam tulisannya menganggap ASAS 50 berjaya mendapat tempat dalam kalangan masyarakat kerana ideologi sasteranya yang berpihak dan bersimpati kepada kepayahan hidup masyarakat, iaitu gagasan 'seni untuk masyarakat' (Wong Seng Tong, 1981: 45). Karya sastera yang terhasil daripada ideologi ASAS 50 ini diperakukan sebagai bermutu tinggi (Azizi Abdullah, 1985: 9). Turut mendapat perhatian dalam perbincangan tentang ideologi ASAS 50 ini ialah soal nilai-nilai baharu yang diutarakan ASAS 50 bagi menggantikan nilai-nilai tradisional yang dianggap pasif dan mengekang kemajuan kebudayaan Melayu. Ini termasuklah dengan tindakan ASAS 50 mengangkat tulisan Rumi bagi menggantikan tulisan Jawi (S. Husin Ali, 1980: 55). Dalam konteks ini juga, tokoh-tokoh ASAS 50 seperti Keris Mas, Asraf, dan Usman Awang diperakukan sebagai pelopor bahasa Melayu moden kerana kesegaran bahasa yang digunakan kumpulan 'Cecil Street' ini (A.M. Thani, 1981: 72). Tidak kurang signifikan, terdapat sarjana dan pengkritik sastera yang mengecam ideologi sastera yang menjadi pegangan ASAS 50 kerana didakwa bertentangan dengan nilai-nilai Islam yang melingkungi kebudayaan Melayu. Walau bagaimanapun, pengamatan ini mendapati bahawa kajian-kajian ilmiah tentang ideologi sastera ASAS 50 setakat kini adalah terpenggal-penggal dan belum komprehensif. Dalam konteks inilah, perlunya sebuah kajian ilmiah yang secara khusus meneliti ideologi sastera ASAS 50 dilakukan (Hamzah, 1981a: 110-111; Mohd. Affandi, 2017: 77-78).

Selanjutnya, kajian ini mendapati wujud kecenderungan yang khusus dalam perbincangan oleh sarjana dan pengkritik sastera tentang ideologi sastera yang menjadi pegangan ASAS 50, dan penginstitusiannya dalam kesusasteraan

Melayu moden. Dalam hal ini, terdapat dakwaan oleh sarjana dan pengkritik sastra bahawa ideologi sastra ASAS 50 telah diinstitusikan sebagai ideologi yang sah, dan diterima pakai dalam kesusasteraan Melayu moden. Penginstitusian ideologi ASAS 50 sebagai ideologi sastra yang sah dan diterima pakai dalam kesusasteraan Melayu moden ini dimungkinkan dengan percaturan politik sastra. Ini didakwa berlaku apabila tokoh-tokoh penting ASAS 50 iaitu Keris Mas, Asraf, dan Usman Awang yang berada dalam kumpulan 'Cecil Street' menguasai penerbitan akhbar dan majalah arus perdana (S. Husin Ali, 1980: 23). Monopoli penerbitan media arus perdana ini membolehkan ASAS 50 menentukan, memilih, dan menerbitkan karya-karya yang difikirkan sesuai dengan ideologi sastra yang menjadi pegangan mereka, dan sekali gus meminggirkan karya-karya yang bertentangan (Hamzah Hussein, 1981b: 115; Ungku Maimunah, 1998: 49). Seterusnya, penginstitusian ideologi sastra ASAS 50 dalam kesusasteraan Melayu moden didakwa berlaku apabila kerajaan mengiktiraf sasterawan-sasterawan seperti Keris Mas, Usman Awang, A. Samad Said, dan penyokong-penyokong ASAS 50 melalui Anugerah Sastra Negara (Mohd. Khair, 2015: 21, 25, 29). Terdapat juga dakwaan yang menyelar penginstitusian ideologi sastra ASAS 50 menerusi Anugerah Sastra Negara sebagai 'satu kesilapan besar' (Mohd. Affandi, 2019: 61).

Pada tahap ini adalah jelas bahawa adanya dakwaan dalam kajian-kajian ilmiah sedia ada yang cenderung menghujahkan bahawa, penginstitusian ideologi ASAS 50 sebagai satu ideologi sastra yang sah bagi kesusasteraan Melayu moden merupakan satu buatan atau rekayasa yang banyak dimungkinkan oleh percaturan politik sastra. Adanya dakwaan-dakwaan sedemikian ini dengan sendirinya menuntut kepada satu kajian ilmiah yang mengkaji secara khusus tentang soal penginstitusian ASAS 50 sebagai ideologi sastra yang sah bagi kesusasteraan Melayu moden.

Sehubungan itu, kajian ini memproblematisasikan dua perkara yang terhasil daripada pengamatan terhadap kajian-kajian sedia ada (yaang akan dikupas lebih lanjut dalam Bab 2). Ini merujuk kepada hakikat bahawa kajian-kajian ilmiah tentang ideologi ASAS 50 setakat kini adalah terpenggal-penggal dan belum komprehensif. Justeru, perlunya sebuah kajian ilmiah yang secara khusus meneliti tentang ideologi sastra ASAS 50 dilakukan. Kedua, dakwaan-dakwaan tentang wujudnya politik sastra dalam penginstitusian ideologi sastra ASAS 50 dalam kesusasteraan Melayu moden yang belum dibuktikan secara ilmiah.

1.3 Objektif Kajian

Selanjutnya, dalam usaha merungkaikan permasalahan di atas, kajian ini distrukturkan bagi mencapai tiga objektif berikut iaitu:

- i. Menghuraikan ideologi sastera yang menjadi pegangan ASAS 50.
- ii. Menganalisis penginstitutionan ideologi sastera ASAS 50 berdasarkan kerangka teori 'The Power Elite'.
- iii. Menghubungkan penginstitutionan ideologi sastera ASAS 50 dengan perkembangan kesusasteraan Melayu masa kini.

1.4 Metodologi Kajian

Selanjutnya, bagi mencapai ketiga-tiga objektif di atas, kajian ini memilih untuk menggunakan teori The Power Elite. Teori ini dicetuskan oleh Charles Wright Mills (1916-1962) iaitu seorang ahli sosiologi Amerika yang terkenal. Dalam konteks kajian ini, teori ini dipilih kerana menawarkan perbincangan tentang soal penginstitutionan pengaruh serta kuasa, yang diperlukan dalam kajian ini. Selain itu, pemilihan The Power Elite sebagai kerangka kajian mengambil kira Permasalahan Kajian dan Objektif-objektif Kajian. Seperti yang telah diujahkan dalam bahagian Permasalahan Kajian, soal ideologi ASAS 50, dan penginstitutionannya telah menarik perhatian sarjana dan pengkritik sastera. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa kajian-kajian ilmiah sedia ada tentang ideologi sastera yang menjadi pegangan ASAS 50 dalam kesusasteraan Melayu moden adalah terpenggal-penggal dan belum komprehensif. Sementara itu, dakwaan-dakwaan terhadap penginstitutionan ideologi ASAS 50 dalam kesusasteraan Melayu belum lagi diuji kesahihannya dalam satu kajian ilmiah. Ini mendorong kajian ini untuk memberikan tumpuan tentang soal ideologi sastera yang menjadi pegangan ASAS 50, dan menganalisis penginstitutionannya dalam kesusasteraan Melayu. Sehubungan itu dan dalam konteks inilah, pemilihan konsep-konsep dalam teori The Power Elite sebagai kerangka kajian dilihat satu pilihan tepat dan relevan untuk mencapai Objektif-objektif Kajian, iaitu (i) menghuraikan ideologi sastera yang menjadi pegangan ASAS 50, (ii) menganalisis penginstitutionan ideologi sastera ASAS 50 berdasarkan kerangka teori The Power Elite, dan (iii) menghubungkan penginstitutionan ideologi sastera ASAS 50 dengan perkembangan kesusasteraan Melayu masa kini. PE dipilih kerana hadir sebagai teori yang membincangkan tentang bagaimana sesuatu kumpulan atau komuniti yang mendukung ideologi, kehendak, atau kedudukan tertentu diinstitutionkan dan diterima sebagai sah (*legitimate*) dalam sistem sosial. Dalam konteks The Power Elite, penginstitutionan sesuatu kumpulan atau komuniti yang mendukung ideologi, kehendak, atau kedudukan tertentu dikaitkan dengan soal kuasa dan pengaruh gerakan kumpulan atau komuniti elit yang berkuasa ('power elite')

dalam masyarakat. Hubungan kait 'power elite' dengan soal penginstitutionan ini dianggap relevan dengan kajian ini, iaitu yang berlegar pada soal ideologi sastera yang menjadi pegangan ASAS 50, dan penginstitutionannya dalam kesusasteraan Melayu. Untuk itu, The Power Elite menawarkan beberapa konsep yang dapat diguna pakai bagi memenuhi objektif-objektif kajian, dan sekali gus merungkai permasalahan kajian ini, iaitu konsep 'higher circles', dan konsep 'mutual reciprocal'. Kedua-dua konsep ini menawarkan perbincangan tentang bagaimana monopoli kuasa, kedudukan, dan pengaruh memainkan peranan penting dalam proses penginstitutionan (akan dibincangkan lebih lanjut dalam Bab 3), justeru diharapkan dapat merungkai permasalahan kajian ini khususnya dalam konteks penginstitutionan ideologi sastera ASAS 50 dalam kesusasteraan Melayu moden.

1.5 Batasan Kajian dan Bahan-Bahan Kajian

Seiring dengan fokus kajian ini iaitu menganalisis ideologi ASAS 50, dan merumuskan proses penginstitutionan ideologi sastera ASAS 50 berdasarkan teori The Power Elite, kajian ini memilih sejumlah bahan dokumentasi yang dianggap penting dan relevan. Sehubungan itu, kajian ini menggariskan satu ciri yang dapat dijadikan sebagai panduan untuk memilih bahan kajian. Ini merujuk kepada dokumentasi-dokumentasi bertulis dan terpilih yang dapat diambil datanya dan dikaji bagi menjelaskan tentang ideologi sastera yang menjadi pegangan ASAS 50 secara sistematik dan berfokus, serta penginstitutionannya dalam kesusasteraan Melayu. Dalam konteks ini, kajian ini akan meneliti buku berjudul *Esei Sastera ASAS 50* (1981), diselenggarakan oleh A. M. Thani dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku ini menghimpunkan tulisan-tulisan tokoh-tokoh ASAS 50 seperti Keris Mas, Usman Awang, Asraf dan lain-lain lagi tentang ASAS 50. Turut termuat dalam buku ini ialah tulisan berupa kecaman terhadap ASAS 50 khususnya oleh Hamzah Hussein. Berikut ialah bahan-bahan kajian yang akan diguna pakai daripada buku tersebut untuk mendapatkan data kajian ini:

1. A.M. Thani. (1981). Peranan dan Kesan Tokoh-Tokoh ASAS '50. *Warisan ASAS '50*, (59-76). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Asraf. (1981). Maksud Seni dalam Bentuk Cerita. *Esei Sastera ASAS '50*, (61-64). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Asraf. (1981). Nilai Sastera. *Esei Sastera ASAS '50*, (27-39). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Asraf. (1981). Tunas-Tunas Pembaharuan. *Esei Sastera ASAS '50*, (53-60). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

5. Hamzah Hussein. (1981). Dalam Memajukan Sastera. *Esei Sastera ASAS '50*, (pp. 69-73). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Hamzah Hussein. (1981). Pertimbangan Adil. *Esei Sastera ASAS '50*, (pp. 69-73). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. S. Husin Ali. (1981). ASAS '50 dan Cita-Cita Kemasyarakatannya. *Esei Sastera ASAS '50*, (21-31). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Selain itu ialah buku berjudul *Warisan ASAS 50* (1981) yang juga diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku ini merupakan kumpulan kertas kerja "Bengkel ASAS 50 dan Sastera Melayu Modern", anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Institut Analisa Sosial. Berikut ialah bahan kajian yang akan diguna pakai daripada buku ini:

1. Wong Seng Tong. (1981). Polemik Sastera ASAS '50. *Warisan ASAS '50*. (32-47). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Seterusnya ialah buku *Memoranda Angkatan Sasterawan 50* (1987) yang diterbitkan oleh Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Buku ini dianggap sebagai satu dokumen penting kerana memuatkan idea-idea ASAS 50 yang dikemukakan dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga pada 16-21 September 1956. Berikut ialah bahan-bahan kajian daripada buku ini yang akan diguna pakai:

1. Asraf. (1987). Ejaan Bahasa Melayu dengan Huruf Rumi. *Memoranda Angkatan Sasterawan 50*, (61-88). Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
2. Asraf dan Usman Awang. (1987). Memoranda Mengenai Tulisan Rumi Untuk Bahasa Melayu. *Memoranda Angkatan Sasterawan 50*, (2-20). Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Turut diberi perhatian dalam kajian ini ialah autobiografi berjudul *Memoir Keris Mas: 30 Tahun Sekitar Sastera* (1979) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku ini dihasilkan ketika Keris Mas, iaitu tokoh yang tidak asing lagi dengan ASAS 50 telah bersara daripada jawatannya sebagai Ketua Pengarang di Dewan Bahasa dan Pustaka, dan seterusnya dilantik sebagai Penulis Tamu di institusi yang sama. Buku ini merakamkan pengalaman Keris Mas dalam penubuhan ASAS 50, ideologi yang diperjuangkan ASAS 50, dan tindakan-tindakan yang dilakukan ASAS 50 untuk mempertahankan ideologinya dalam kesusasteraan Melayu.

Selanjutnya, kajian ini turut memanfaatkan tulisan-tulisan eceran tokoh-tokoh penting ASAS 50 seperti Keris Mas, Usman Awang, Asraf, A. Samad Said dan lain-lain yang tersiar dalam dua majalah penting terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu majalah *Dewan Bahasa* dan *Dewan Sastera*. Kajian ini akan memberikan tumpuan kepada jilid-jilid majalah-majalah berkenaan yang terbit dari tahun 1957, iaitu selepas ASAS 50 ditubuhkan, dan ketika tokoh-tokoh penting ASAS 50 terlibat secara langsung dalam penerbitan tersebut iaitu sehingga akhir dekad 1990-an. Selain itu, kajian turut memberikan perhatian terhadap laporan-laporan oleh panel-panel khas yang dilantik oleh kerajaan untuk penganugerahan Anugerah Sastera Negara yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Berikut ialah senarai bahan-bahan kajian yang diambil daripada jilid *Dewan Bahasa* dan *Dewan Sastera* yang terpilih.

1. A. Rahman Yusof (Jun 1987). Tidak Mustahil Negara Kecil Menghasilkan Sastera Yang Besar. *Dewan Sastera*, 25-34.
2. A. Samad Said (Julai 1997). Satu Segmen Kritikan: Sebelum *Salina*, Sesudah 'Realisme Magis'. *Dewan Sastera*, 48-52.
3. A. Samad Said (Februari 1986). Sesi dengan Penulis Muda: Media dan Iklim Mencipta. *Dewan Sastera*, 42-47.
4. A. Samad Said (Mac 1986). Pidato Penerimaan Anugerah Sastera Negara IV. *Dewan Sastera*, 44-46.
5. A. Samad Said. (1987). *Dari Salina ke Langit Petang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Teeuw. A (November 1964). *Salina*. *Dewan Bahasa*, 517-524.
7. Abdul Razak Hussein (September 1957). "Sambutan Menteri Pelajaran". *Dewan Bahasa*, 4.
8. Abdullah Tahir (Mei 1976). Idea dan Konsep Kesusasteraan A. Samad Said. *Dewan Sastera*, 37-40.
9. Ali Haji Ahmad (1960). Penjayak A. Samad Said. *Dewan Bahasa*, 408-412.
10. Anwar Ridhwan (Jun 1986). Program Pembinaan dan Pengembangan Sastera. *Dewan Sastera*, 35-36.
11. Anwar Ridhwan (Jun 1988). Penulisan dan Pengiktirafan. *Dewan Sastera*, 3.
12. Asmah Haji Omar (September/Oktober 1976). Pencapaian Majalah *Dewan Bahasa* Sebagai Alat Pelaksanaan Dasar Bahasa. *Dewan Bahasa*, 672-674.
13. Awang Sariyan. (Jun 1981). Dewan Bahasa dan Pustaka: Suku Abad Membina Bahasa. *Dewan Bahasa*, 2-4.
14. Baharuddin Zainal (Januari/Februari 1981). Tenaga Baru dalam Sastera Selepas Merdeka. *Dewan Sastera*, 91-96.
15. Baharuddin Zainal (Januari/Februari 1981). Tenaga Baru dalam Sastera Selepas Merdeka. *Dewan Sastera*, 91-96.
16. Baharuddin Zainal (Julai 1981). Hak-hak dan Tanggungjawab Editor. *Dewan Sastera*, 20-23.
17. Baharuddin Zainal (Julai 1981). Hak-hak dan Tanggungjawab Editor. *Dewan Sastera*, 20-23.
18. Halilah Hj Khalid, Abd. Hj Anuar, Zainal Abidin Bakar (Mac 1978). Forum Hadiah Karya Sastera. *Dewan Sastera*, 22-27.

19. Halilah Hj. Khalid (Februari 1978). Watak Penari Pada Sebuah Kapal. *Dewan Sastera*, 58-59.
20. Hamzah Hamdani (Februari 1988). Kesusasteraan Malaysia: Masa Depan. *Dewan Sastera*, 41-44.
21. Hamzah Hamdani (Januari 1987). Novel-Novel Mutakhir Malaysia. *Dewan Sastera*, 60-67.
22. Hamzah Hamdani (Jun 2006). Dewan Bahasa dan Pustaka: Setengah Abad Mengembangkan Sastera Malaysia. *Dewan Sastera*, 21-24.
23. Hamzah Hamdani (September 1980). ASAS 50: Tiga Puluh Tahun Kemudian. *Dewan Sastera*, 56-57.
24. Aveling, Harry (September/Oktober 1976). Sekuntum Bunga dari Luar Negeri. *Dewan Bahasa*, 692.
25. Hussein Onn (Jun 1976). Penghargaan Negara Terhadap Penulis dan Pejuang Sastera. *Dewan Sastera*, 4-7.
26. Idros Samsudin (September 1988). Persatuan Penulis Nasional Malaysia. *Dewan Sastera*, 86-87.
27. Ismail Hussein (April 1972). Dari GAPENA untuk Naguib. *Dewan Sastera*, 32-33.
28. Ismail Hussein (April 1980). Dari Ketua Satu Gapena: Hari Sastera '80. *Dewan Sastera*, 3-4.
29. Ismail Hussein (Julai 1978). Kehidupan Intelektual, Tenaga Yang Diminta dan Idealisme. *Dewan Sastera*, 5-8.
30. Ismail Hussein (Jun 1972). Beberapa Masalah Di Hadapan GAPENA. *Dewan Sastera*, 6-9.
31. Ismail Muhammad (Julai 1974). Sastrawan-sastrawan Melayu Di Kuala Lumpur 1958-1969: Pembahagian Sastrawan Kuala Lumpur. *Dewan Bahasa*, 311-329.
32. Ismail Muhammad (Jun 1974). Sastrawan-sastrawan Melayu Di Kuala Lumpur 1958-1969: Pembahagian Sastrawan Kuala Lumpur. *Dewan Bahasa*, 259-276.
33. Kamaluddin Muhammad (Januari 1976). Meneruskan Penerokaan Sastera Nasional, Mencari dan Menemui. *Dewan Sastera*, 3-4.
34. Kassim Ahmad (Februari 1986). Hubungan Kesusasteraan dan Islam. *Dewan Sastera*, 48-49.
35. Keris Mas (Ogos 1963). Sasterawan dengan Mas'alah SEX. *Dewan Bahasa*, 337-340.
36. Keris Mas (Mac 1964). Hakcipta dan Penghargaan Terhadap Penulis. *Dewan Bahasa*, 97-100.
37. Keris Mas (Oktober 1964). Ejaan Mas'alah Yang Perlu Diselesaikan. *Dewan Bahasa*, 433-435.
38. Keris Mas (Ogos 1964). Rangka Asas Kajian Kesusasteraan. *Dewan Bahasa*, 337-338.
39. Keris Mas (Ogos 1964). Rangka Asas Kajian Kesusasteraan. *Dewan Bahasa*, 337-338.
40. Keris Mas (Februari 1965). Keberanian dan Kesungguhan. *Dewan Bahasa*, 49-52.
41. Keris Mas (Januari 1971). *Dewan Sastra* Memasuki Gelanggang. *Dewan Sastera*, 3.
42. Keris Mas (Jun 1977). Setelah Dua Puluh Tahun. *Dewan Bahasa*, 358.
43. Keris Mas (Jun 1979). Keris Mas: Bercakap Tentang ASAS 50, Revolusi Mental, Sastera Islam. *Dewan Sastera*, 33-42.

44. Keris Mas. (1979). *30 Tahun Sekitar Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
45. Keris Mas. (1981). Sastera dan Pembangunan Manusia. *Di Sekitar Pemikiran Kesusasteraan Malaysia (1957-1972)*, (pp. 271-274). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
46. Metzger, Laurent (Julai 1972). *Salina* Sebuah Hasil Autobiografi. *Dewan Sastera*, 6-9.
47. M. Noor Azam (Jun 1964). Suatu Tinjauan Tentang Keritik Sastera (1). *Dewan Bahasa*, 244-253.
48. Mohd. Affandi Hassan. (Jun 1973). "Beberapa Pandangan dan Saranan Tentang Teori dan Kritikan dalam Kesusasteraan Melayu Moden". *Dewan Sastera*, 32-35.
49. Mohd. Taib Osman (Januari 1979). JPM: Menggabungkan Tugas Ilmiah dengan Penglibatan Sosial. *Dewan Sastera*, 42-49.
50. Mohd. Taib Osman (Ogos 1974). Kesusasteraan Melayu dan Perubahan Sosio Budaya. *Dewan Bahasa*, 363-382.
51. Mohd. Thani Ahmad (Oktober 1981). Dewan Bahasa 25 Tahun: Dalam Satu Kehidupan Sastera. *Dewan Sastera*, 42-46.
52. Muhd. Yusof Ibrahim. (1985). *Sejarah Intelek: Isu dan Masalah*. Subang Jaya: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.
53. Musa Hitam (Mei 1981). Hadiah Karya Sastera Diwujudkan Kembali. *Dewan Sastera*, 43.
54. Omar Mohd. Hashim (Mac 1962). Cherpen Melayu Moden Sa-lepas Perang. *Dewan Bahasa*, 102-129.
55. Ramli Isin (Februari 1978). Puisi-Puisi Dewan Sastera Januari-Jun 1977: Satu Pembicaraan. *Dewan Sastera*, 15-19.
56. S. Jaafar Husin (April 1986). GAPENA 15 Tahun. *Dewan Sastera*, 2.
57. S. Jaafar Husin (Januari 1980). Asraf: Kesusasteraan, Bahasa dan Terjemahan. *Dewan Sastera*, 24-28.
58. S. Jaafar Husin (Januari 1981). Satu Dekad *Dewan Sastera*. *Dewan Sastera*, 54-56.
59. S. Jaafar Husin (Julai 1987). Seniman Sesat: Sedikit Pandangan. *Dewan Sastera*, 2.
60. S. Jaafar Husin (Mei 1981). Anugerah Sastera Negara dan Keris Mas. *Dewan Sastera*, 27-28.
61. S. Othman Kelantan (September/Oktober 1976). "Dewan Bahasa: Sambutan Dua Puluh Tahun". *Dewan Bahasa*, 689-692.
62. S. Othman Kelantan (September/Oktober 1976). "Dewan Bahasa: Sambutan Dua Puluh Tahun". *Dewan Bahasa*, 689-692.
63. Salmiah Ismail (Jun 1986). 30 Tahun Dewan Bahasa dan Pustaka. *Dewan Sastera*, 31-34.
64. Salmiah Ismail (Ogos 1981). Dari Balai ke Dewan Dalam 25 Tahun Perjalanan. *Dewan Sastera*, 59-60.
65. Shahnnon Ahmad (Ogos 1976). Ke Mana Harus Kita Pergi. *Dewan Sastera*, 2-4.
66. Sidang Pengarang (Julai 1971). Panel Hadiah Sastra: Menjelang Akademi Sastra. *Dewan Sastera*, 2.
67. Sidang Pengarang (Mei 1981). Anugerah Sastera Negara Mendaulkan Suara dari Hati Nurani Manusia. *Dewan Sastera*, 2.
68. Sidang Pengarang (November 1979). Kenapa Hadiah Sastera?. *Dewan Sastera*, 2.

69. Sidang Pengarang (September 1981). Peranan Sasterawan Sebelum dan Sesudah Merdeka. *Dewan Sastera*, 2.
70. Syed Nasir Ismail (Oktober 1957). Dari Meja Pengarah. *Dewan Bahasa*, 71-75.
71. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (Januari 1987). Bentuk Dominan Sastera dan Implikasinya Terhadap Fahaman Tentang Estetik Sastera Melayu Moden. *Dewan Sastera*, 55-59.
72. Usman Awang (Jun 1976). Penghargaan Negara Terhadap Penulis dan Pejuang Sastera. *Dewan Sastera*, 4-7.
73. Usman Awang. (Januari 1976). Surat Dari Pengarang: Suka-Duka Dewan Sastera. *Dewan Sastera*, 5-7.
74. *Warkah Dasar Anugerah Sastera Negara* (Jun 1980). *Dewan Sastera*, 20-21.
75. Wijaya Mala (Februari 1964). Tanya-Jawab Bahasa dan Sastera. *Dewan Bahasa*, 76-80.
76. Wijaya Mala (Januari 1964). Tanya-Jawab Bahasa dan Sastera. *Dewan Bahasa*, 31-34.
77. Wijaya Mala (November 1962). Bahasa dan Sastera: Apa-kah perbedzaan 'seni untuk seni' dan 'seni untuk masyarakat'. *Dewan Bahasa*, 514-516.

1.6 Definisi Operasional

Seiring dengan fokus kajian, bahagian ini akan menghuraikan pemahaman yang terkandung dalam beberapa istilah, yang dijadikan sebagai satu definisi operasional kajian ini. Ini merujuk kepada tiga istilah penting dalam kajian ini, iaitu 'ideologi' dan 'ideologi sastera', 'penginstitusian', dan 'ASAS 50'. Bagi istilah 'ideologi' dan 'ideologi sastera', perbincangan akan dilakukan dengan menyoroti tulisan-tulisan ilmiah sarjana yang membicarakan tentang istilah ini. Ini disusuli dengan perbincangan tentang makna yang menampung istilah 'penginstitusian' dari sudut perkamusan. Akhir sekali, bahagian ini akan menjelaskan tentang apakah yang dirujuk sebagai 'ASAS 50' dalam kajian ini.

1.6.1 'Ideologi' dan 'Ideologi Sastera'

Berdasarkan pemahaman di atas, perbincangan ini dimulakan dengan meneliti definisi 'ideologi'. Menurut John Plamenatz (seterusnya Plamenatz), istilah 'ideologi' (*ideology*) tercipta di Perancis yang membawa maksud sains atau kajian tentang idea. Pada kurun ke-18 dan kurun ke-19, istilah ini mula digunakan bagi merujuk kepada falsafah-falsafah yang popular. Istilah 'ideologi' turut dikenali dengan nama-nama lain seperti 'idea' (*idea*), kepercayaan (*belief*), sikap (*attitude*), dan pandangan alam (*world-view*), atau *weltanschauung*. Sementara itu, istilah 'konsep' (*concept*) diguna pakai bagi merujuk kepada sesuatu yang digunakan untuk mengekspresikan idea, kepercayaan, sikap, atau pandangan alam (Plamenatz, 1971: 16-17).

Dalam perkembangan seterusnya, istilah 'ideologi' mula menjurus kepada satu pengertian yang dianggap lebih penting. Ini merujuk kepada 'ideologi' sebagai satu set kepercayaan (*belief*), idea, sikap, mahupun karakter sesebuah kumpulan atau komuniti (Plamenatz, 1971: 15). Walaupun kepercayaan atau idea itu dimiliki oleh satu kumpulan atau komuniti tertentu, namun kebarangkalian untuk kepercayaan itu dikongsi dalam kumpulan atau komuniti yang lain tidak dapat dielakkan sepenuhnya, sebagaimana disebutkan, "...when we speak of an ideology we have in a mind a set of ideas or beliefs or attitudes characteristic of a group. The set may also be found outside the group, but sumably much less so than inside it" (Plamenatz, 1971: 16). Plamenatz berpendapat kebarangkalian untuk sesuatu 'ideologi' terasing daripada ideologi yang dominan (mengikut peredaran masa) adalah disebabkan sifatnya yang terhad kepada individu, masyarakat, atau zaman tertentu (Plamenatz, 1971: 27). Ini juga bertitik tolak daripada peranan 'ideologi' iaitu menyatukan kumpulan, atau untuk memberikan justifikasi terhadap kegiatan dan sikap kumpulan yang dipayunginya dalam strata sosial, sebagaimana disebutkan, "... 'ideological' as a whole set of beliefs that serves to hold a group together or to justify its activities and attitudes or to promise its interests" (Plamenatz, 1971: 31). Bagi memastikan 'ideologi' diterima secara meluas, kumpulan atau komuniti yang bernaung di bawahnya akan bersikap 'pemujuk' (*persuasive*) dalam kebanyakan keadaan khususnya yang melibatkan interaksi pendukung 'ideologi' ini dengan pihak luar, sebagaimana disebutkan dalam kutipan di bawah :

If the beliefs are accepted largely, because they express or inhibit feelings, and if they encourage or discourage some type of behaviour, not just on a few occasions, but on all or most occasions of a given kind, they are 'persuasive' (Plamenatz, 1971: 73)

Selain itu, Plamenatz menjelaskan bahawa 'ideologi' dieksploitasi untuk sekurang-kurangnya empat tujuan penting, khususnya dalam konteks politik. Pertama, 'ideologi' digunakan untuk menyatukan satu kumpulan disiplin yang sama. Penyatuan ini dilakukan bagi mengubah situasi atau keadaan tertentu dengan niat untuk memperoleh kuasa (*power*). Kedua, 'ideologi' digunakan untuk memujuk atau mempengaruhi masyarakat supaya rela berkorban demi kepentingan pemimpin. Ketiga, 'ideologi' digunakan untuk meluaskan kuasa kerajaan atau organisasi ke kawasan yang lain. Keempat, 'ideologi' digunakan dalam parti atau organisasi dengan tujuan untuk merampas, atau mempertahankan kuasa sedia ada, sebagaimana dijelaskan dalam kutipan panjang di bawah :

